

30/05/2003

Pakej untuk semua: PM (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Pakej Strategi Baru bernilai RM7.3 bilion yang diumumkan minggu lalu bukan bertujuan mempopularkan kerajaan, sebaliknya untuk kepentingan negara dan rakyat secara keseluruhan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, pakej itu dirancang dengan berhemat dan teliti untuk meningkatkan ekonomi domestik, kepenggunaan, membantu peniaga mendapatkan kemudahan kredit dengan lebih mudah serta menangani kesan Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS).

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan juga mempunyai sumber mencukupi untuk membiayai pakej ekonomi itu walaupun terpaksa menghentikan banyak projek.

"Walaupun pakej ekonomi ini bernilai RM7.3 bilion, kerajaan hanya mengeluarkan RM1.7 bilion dan yang selebihnya (RM5.6 bilion) kita gunakan wang daripada pasaran. Kerajaan mengambil langkah bagi memastikan perbelanjaan adalah mengikut kemampuan.

"Kalau kerajaan belanja dengan tidak bertanggungjawab, kita akan mengalami defisit tinggi dan hutang yang banyak. Dengan itu, negara akan bankrap," katanya berucap pada perhimpunan Hari Pekerja 2003 bagi sektor awam di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan), Bukit Kiara, semalam.

Pakej yang diumumkan Perdana Menteri Rabu lalu itu berteraskan empat pendekatan utama bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara dalam keadaan persekitaran global yang tidak menentu.

Dengan bertemakan 'Ke Arah Merangsang Pertumbuhan Ekonomi Negara', pakej itu menggariskan 90 langkah bagi menggalakkan pelaburan swasta; memperkukuhkan daya saing; menjana punca pertumbuhan baru dan meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian.

Menjawab pertanyaan seorang peserta selepas itu, beliau menjelaskan program penswastan kerajaan sebenarnya berjaya dan menguntungkan negara meskipun sebilangan kecil yang gagal.

Katanya, kegagalan penswastan Penerbangan Malaysia (MAS) yang terpaksa diambil alih semula oleh kerajaan disebabkan tekanan ekonomi ketika krisis kewangan serantau pada 1997/98.

"Ini tidak dijangka seperti juga peristiwa 11 September, SARS dan perang Iraq. Keadaan ini menyebabkan kesukaran bagi pihak swasta untuk meraih keuntungan.

"Ada juga program penswastan yang berjaya seperti Telekom Malaysia yang kini bukan saja mencatat keuntungan tinggi, malah memberi khidmat yang baik kepada pengguna," katanya.

Beliau berkata, keadaan ekonomi negara tidaklah seburuk negara lain kerana kejayaan kerajaan merancang perbelanjaan.

Rombakan Kabinet bulan depan

Sementara itu, menjawab soalan pemberita pada sidang media kemudiannya,

Dr Mahathir berkata, beliau akan melakukan rombakan Kabinet sekembalinya daripada lawatan ke luar negara bulan depan.

Perdana Menteri yang berlepas ke Evian, Perancis malam ini bagi menghadiri Dialog Tidak Rasmi Sidang Kemuncak G8 dan mengadakan lawatan kerja ke Jepun pada 2 hingga 6 Jun berkata, beliau akan memikirkan mengenai barisan Kabinet selepas kembali ke tanah air.

Katanya, beliau sudah menerima senarai calon MCA untuk mengisi kekosongan jawatan Menteri Pengangkutan berikutan pengunduran Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, daripada presiden parti itu, Datuk Seri Ong Ka Ting.

Katanya, buat sementara waktu, jawatan Menteri Pengangkutan dipangku oleh Ong, yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Bagaimanapun, ketika ditanya sama ada rombakan itu nanti hanya membabitkan pemimpin MCA, beliau berkata: "Boleh jadi, tapi tak berani nak

cakap kerana saya belum fikir lagi."

Beliau juga enggan mengulas apabila ditanya sama ada rombakan itu akan dibuat sebelum atau selepas perhimpunan agung Umno yang dijadualkan pada 17 hingga 20 Jun ini.

Sebaliknya Perdana Menteri menegaskan, rombakan Kabinet yang bakal dibuatnya nanti akan memastikan kerajaan bergerak secara lebih efisien.

"Saya akan mencari orang yang boleh berkhidmat. Saya tidak selalu menukar Kabinet saya kerana saya mempunyai keyakinan (kepada Kabinet yang

ada), tidak seperti negara lain yang selalu merombak," katanya.

Ditanya sama ada beliau akan membincangkan rombakan itu dengan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Dr Mahathir berkata:

"Saya bukan orangnya yang membuat keputusan tanpa berunding dengan seramai mungkin orang, tetapi tidak semestinya saya akan mengikut pandangan mereka. Biasanya saya bertanya dengan orang lain."

Sikap Malaysia terhadap Washington

Dalam perkembangan lain, Malaysia akan terus menyuarakan pandangannya tanpa rasa takut atau pilih kasih walaupun beberapa negara mungkin berasa

kurang senang dengan tindakannya itu.

"Kita akan menyuarakan apa yang benar. Kita perlu menyuarakan apa yang kita percaya adalah benar," katanya mengulas kenyataan Duta Amerika Syarikat ke Malaysia, Marie T Huhtala, bahawa hubungan antara negara Asia

Tenggara dengan Amerika Syarikat akan terjejas jika pemimpinnya terus mengkritik secara keterlaluan dasar Washington.

Huhtala dilaporkan berkata demikian dalam ucapannya di satu forum perniagaan di sini Jumaat lalu dan disiarkan di laman web kedutaan itu kelmarin. Bagaimanapun, kenyataan Huhtala itu tidak ditujukan khusus terhadap Malaysia atau Dr Mahathir.

Dr Mahathir, ketika ditanya kemungkinan Washington bertindak balas sehingga menjejaskan perdagangan Malaysia-Amerika kerana pendirian tegasnya terhadap pencerobohan Amerika ke atas Iraq, berkata:

"Saya percaya Amerika menghormati kebebasan untuk bersuara, yang bermakna ada kalanya anda mendengar pendapat yang anda suka, dan ada kalanya pendapat yang anda tidak suka."

"Ini juga berlaku pada kita (Malaysia), yang pernah dikritik oleh

orang

lain dan kritikan itu pula sangat tidak adil, tetapi kita menerimanya."

Perdana Menteri bagaimanapun berkata hubungan perdagangan Malaysia-Amerika sangat baik dan tidak terjejas kerana pandangan kritikal Kuala Lumpur terhadap Washington.

"Amerika kini tidak banyak membeli barangan dari Malaysia kerana masalah ekonomi di negara itu. Selain itu, hubungan antara perniagaan di kedua-dua negara adalah baik," katanya.

Mengenai kebimbangan dunia ketiga bahawa pendirian Malaysia mungkin tidak lagi sekeras sekarang apabila beliau mengundur diri Oktober nanti, Dr Mahathir berkata mereka tidak harus tersalah anggap terhadap Abdullah yang akan menggantinya.

Katanya, Abdullah juga mempunyai pendirian yang sama seperti beliau dan mereka harus ingat bahawa pendiriannya itu adalah pendirian kerajaan atau Kabinet.

"Saya tidak membuat pendirian peribadi yang berbeza daripada apa yang difikirkan oleh kerajaan atau Kabinet. Jadi ia (pendirian tegas) masih tertakluk kepada pandangan Kabinet," katanya.